



**SOALAN LAZIM**  
**MENGENAI AKTA STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN**  
**KEMUDAHAN PEKERJA 1990 [AKTA 446]**

**1. Bilakah Akta ini mula berkuatkuasa?**

Akta ini mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2020.

**2. Kepada siapa Akta ini terpakai?**

Akta ini terpakai kepada:

- (i) majikan
- (ii) penyedia penginapan berpusat

di semua sektor pekerjaan di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**3. Apakah tujuan Akta ini ?**

- (i) Memberi liputan kepada semua sektor pekerjaan;
- (ii) Menetapkan standard minimum perumahan dan kemudahan pekerja di Malaysia, selari dengan piawaian antarabangsa;
- (iii) Menangani elemen buruh paksa;
- (iv) Melindungi hak dan kebajikan pekerja berkaitan penginapan;
- (v) Meningkatkan kawalan dari segi keselamatan dan kesihatan pekerja; dan
- (vi) Mewujudkan penginapan pekerja yang lebih sistematik dan kondusif bagi tujuan perancangan pembangunan negara.

**4. Apakah kehendak utama yang perlu dipatuhi oleh majikan dan penyedia penginapan berpusat berkaitan penginapan atau penginapan berpusat yang disediakan kepada pekerja?**

Semua penginapan atau penginapan berpusat yang disediakan **perlu mendapat Perakuan Penginapan** daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja.

**5. Adakah perumahan di estet dan lombong di kawasan Majlis Daerah perlu mendapatkan Perakuan Penginapan?**

Tidak perlu.

6. **Apakah kesannya jika majikan dan penyedia penginapan berpusat beroperasi tanpa Perakuan Penginapan?**

<b>Majikan</b>	Boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000
<b>Penyedia Penginapan Berpusat</b>	Denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya

7. **Bagaimanakah cara majikan dan penyedia penginapan berpusat membuat permohonan bagi mendapatkan Perakuan Penginapan?**

**A. SEBELUM PERMOHONAN DI JTKSM**

Dokumen yang perlu disediakan:

- (i) Jika membina bangunan;
  - a) Perakuan Siap dan Pematuhan / *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- (ii) Jika bangunan sementara atau bangunan bukan kediaman;
  - a) Kelulusan Permit Bangunan bagi suatu tempoh terhad daripada PBT; atau
  - b) Kelulusan Menukar Syarat Bangunan atau Kelulusan Ubahsuai Bangunan daripada PBT.
- (iii) Jika bangunan adalah sewaan;
  - a) Kelulusan atau kebenaran daripada PBT (jika berkenaan).

**B. SEMASA MEMBUAT PERMOHONAN DI JTKSM**

- (i) Membuat permohonan bagi setiap penginapan atau penginapan berpusat secara dalam talian di Sistem Permohonan Perakuan Penginapan (<http://akta446.mohr.gov.my/>);
- (ii) Menyediakan Fi Pemprosesan bagi Permohonan Perakuan Penginapan atas nama Ketua Pengarah Tenaga Kerja bagi setiap permohonan seperti kadar di jadual berikut:



<b>KATEGORI PEMOHON</b>	<b>KAPASITI PEKERJA DALAM PENGINAPAN</b>	<b>KADAR FI PEMROSESAN</b>
Majikan	10 orang atau kurang	RM100
	Lebih daripada 10 orang	RM300
Penyedia Penginapan Berpusat	500 orang atau kurang	RM2,000
	Lebih daripada 500 orang	RM5,000

- (iii) Menyediakan salinan Pendaftaran Syarikat (SSM); dan
- (iv) Menyediakan salinan dokumen yang perlu dilampirkan (yang berkenaan):
  - a) Perakuan Siap dan Pematuhan / *Certificate of Completion and Compliance* (CCC);
  - b) Kelulusan Permit Bangunan bagi suatu tempoh terhadap;
  - c) Kelulusan Menukar Syarat Bangunan (jika berkaitan);
  - d) Kelulusan Ubahsuai Bangunan (jika berkaitan)
  - e) Kelulusan / Kebenaran menyewa bangunan;
  - f) Perjanjian Sewaan Bangunan untuk bangunan yang disewa;
  - g) Pelan Lantai; dan
  - h) Gambar luar bangunan dan di dalam bangunan (Bilik tidur, ruang tamu, dapur, tandas dan bilik air
- (v) Mengemukakan dokumen seperti di senarai semak ke Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran.

**8. Apakah jenis bangunan yang boleh digunakan sebagai penginapan atau penginapan berpusat?**

- (i) Rumah Teres;
- (ii) Rumah Kedai;
- (iii) Banglo;
- (iv) Pangsapuri / Flat;
- (v) Rumah Kampung;
- (vi) Kedai Pejabat ;
- (vii) Kabin;
- (viii) SoHo/SoFo; dan
- (ix) Lain-Lain Yang Dibenarkan Oleh PBT.

9. Bagaimanakan majikan dan penyedia penginapan berpusat menentukan kapasiti bilangan penghuni dalam penginapan atau penginapan berpusat?

KELAS BANGUNAN	ILUSTRASI	CARA PENGIRAAN												
Bukan Dormitori		<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1034 389 1098 472">Bilik</th> <th data-bbox="1098 389 1235 472">Saiz</th> <th data-bbox="1235 389 1390 472">Kapasiti maksimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1034 472 1098 577">1</td> <td data-bbox="1098 472 1235 577">3.03 m x 3.5 m = 10.6 m<sup>2</sup></td> <td data-bbox="1235 472 1390 577">10.6 m<sup>2</sup> / 3.6 m<sup>2</sup> = 2 pekerja</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1034 577 1098 683">2</td> <td data-bbox="1098 577 1235 683">3.5 m x 3 m = 10.5 m<sup>2</sup></td> <td data-bbox="1235 577 1390 683">10.5 m<sup>2</sup> / 3.6 m<sup>2</sup> = 2 pekerja</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1034 683 1098 719">3</td> <td data-bbox="1098 683 1235 719">3 m x 2.7 m = 8.1 m<sup>2</sup></td> <td data-bbox="1235 683 1390 719">8.1 m<sup>2</sup> / 3.6 m<sup>2</sup> = 2 pekerja</td> </tr> </tbody> </table>	Bilik	Saiz	Kapasiti maksimum	1	3.03 m x 3.5 m = 10.6 m <sup>2</sup>	10.6 m <sup>2</sup> / 3.6 m <sup>2</sup> = 2 pekerja	2	3.5 m x 3 m = 10.5 m <sup>2</sup>	10.5 m <sup>2</sup> / 3.6 m <sup>2</sup> = 2 pekerja	3	3 m x 2.7 m = 8.1 m <sup>2</sup>	8.1 m <sup>2</sup> / 3.6 m <sup>2</sup> = 2 pekerja
Bilik	Saiz	Kapasiti maksimum												
1	3.03 m x 3.5 m = 10.6 m <sup>2</sup>	10.6 m <sup>2</sup> / 3.6 m <sup>2</sup> = 2 pekerja												
2	3.5 m x 3 m = 10.5 m <sup>2</sup>	10.5 m <sup>2</sup> / 3.6 m <sup>2</sup> = 2 pekerja												
3	3 m x 2.7 m = 8.1 m <sup>2</sup>	8.1 m <sup>2</sup> / 3.6 m <sup>2</sup> = 2 pekerja												
Dormitori		<p data-bbox="1050 1048 1374 1198">Luas dormitori / 3 meter<sup>2</sup> = Bilangan maksimum pekerja yang boleh ditempatkan di dalam satu bilik asrama / dormitori</p>												

10. Apakah kemudahan-kemudahan yang perlu disediakan oleh majikan dan penyedia penginapan berpusat (bagi setiap penginapan atau penginapan berpusat)?

BIL.	KELAS BANGUNAN	KEHENDAK MINIMUM
1.	Penginapan atau penginapan berpusat yang bukan berbentuk dormitori	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Satu ruang rehat;</li> <li>(ii) Satu ruang makan dengan kerusi dan meja;</li> <li>(iii) Bilik tidur;</li> <li>(iv) Satu ruang dapur;</li> <li>(v) Bilik air dan tandas (sama ada berasingan atau bersekali) mengikut nisbah 1 bilik air dan tandas : 6 pekerja;</li> <li>(vi) Kipas bagi setiap ruang rehat, ruang makan dan bilik tidur;</li> <li>(vii) Lampu bagi setiap ruang rehat, ruang makan dan bilik tidur;</li> </ul>

BIL.	KELAS BANGUNAN	KEHENDAK MINIMUM
		(viii) Satu ruang untuk menyidai pakaian; (ix) Satu alat pertolongan cemas ( <i>first aid-kit</i> ); dan (x) Tong sampah.
2.	Penginapan atau penginapan berpusat yang berbentuk dormitori	(i) Satu ruang rehat; (ii) Satu ruang makan dengan kerusi dan meja; (iii) Ruang tidur; (iv) Satu ruang dapur; (v) Bilik air dan tandas (sama ada berasingan atau bersekali) mengikut nisbah 1 bilik air dan tandas : 15 pekerja; (vi) Kipas bagi setiap ruang rehat, ruang makan dan ruang tidur; (vii) Lampu bagi setiap ruang rehat, ruang makan, ruang tidur, ruang dapur, bilik air dan tandas; (viii) Satu ruang untuk menyidai pakaian; (ix) Satu alat pertolongan cemas ( <i>first aid-kit</i> ); dan (x) Tong sampah.

**11. Apakah kemudahan asas yang perlu disediakan oleh majikan dan penyedia penginapan berpusat kepada setiap pekerja yang tidak boleh dikongsi dengan pekerja lain?**

- (i) Katil bersaiz tidak kurang daripada 1.7 meter persegi (katil *single* atau katil *double decker*);
- (ii) Tilam yang tebalnya tidak kurang daripada 4 inci;
- (iii) Bantal dan selimut; dan
- (iv) Almari berkunci (0.35 meter panjang x 0.35 meter lebar x 0.9 meter tinggi).

**12. Apakah keperluan lain yang wajib disediakan oleh majikan dan penyedia penginapan berpusat setiap masa?**

Bekalan air dan bekalan elektrik.

**13. Apakah tanggungjawab majikan dan penyedia penginapan berpusat berkenaan keselamatan dan kesihatan bagi penginapan atau penginapan berpusat yang disediakan?**

- (i) Menyediakan penginapan yang berasingan untuk pekerja berlainan jantina;
- (ii) Mengambil langkah pencegahan yang perlu bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pekerja;
- (iii) Mengambil langkah keselamatan kebakaran;

- (iv) Mengambil langkah keselamatan sistem pendawaian elektrik;
- (v) Memastikan pekerja menerima bantuan perubatan yang diperlukan;
- (vi) Mengambil langkah pencegahan untuk membendung penyebaran penyakit berjangkit;
- (vii) Membuat penyelenggaraan; dan
- (viii) Melantik '**orang yang bertanggungjawab bagi penginapan**'.

**14. Apakah tanggungjawab 'orang yang bertanggungjawab bagi penginapan'?**

- (i) Memastikan pekerja mematuhi peraturan di penginapan atau penginapan berpusat;
- (ii) Melawat dan memeriksa penginapan atau penginapan berpusat sekurang-kurangnya 2 kali sebulan dan menyimpan rekod pemeriksaan; dan
- (iii) Membawa pekerja yang sakit ke hospital dan menyimpan rekod aduan kesihatan.

**15. Siapakah yang boleh dilantik sebagai 'orang yang bertanggungjawab bagi penginapan'?**

Majikan dan penyedia penginapan berpusat boleh melantik pekerja sendiri atau pihak lain sebagai '**orang yang bertanggungjawab bagi penginapan**'.

**16. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh majikan dan penyedia penginapan berpusat bagi mencegah penyakit berjangkit?**

- (i) Memastikan pekerja diperiksa kesihatannya atas perbelanjaan majikan;
- (ii) Membawa pekerja ke hospital jika perlu;
- (iii) Mengkuarantin pekerja apabila diarahkan;
- (iv) Menyahkuman kawasan gunasama dengan kerap;
- (v) Memastikan pekerja diberi imunisasi atas perbelanjaan majikan;
- (vi) Mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit seperti COVID-19;
- (vii) Merujuk kepada pegawai perubatan kesihatan sekiranya terdapat gejala penyakit berjangkit seperti COVID-19 dan yang lain.

**17. Apakah rekod-rekod yang perlu disediakan dan disimpan oleh majikan dan penyedia penginapan berpusat untuk diperiksa oleh Jabatan Tenaga Kerja?**

- (i) Senarai nama pekerja yang menghuni penginapan;
- (ii) Rekod penyelenggaraan penginapan;
- (iii) Rekod kesihatan pekerja yang menghuni penginapan;
- (iv) Jadual lawatan pemeriksaan penginapan pekerja oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat; DAN
- (v) Buku rekod aduan kesihatan pekerja di penginapan.

**18. Bolehkah majikan membuat potongan gaji terhadap semua kemudahan yang disediakan di dalam penginapan?**

Tidak boleh. Kesemua kemudahan tersebut adalah atas tanggungjawab majikan.

**19. Apakah majikan wajib melaporkan penempatan pekerjaanya di penginapan yang disediakan sendiri atau di penginapan berpusat?**

Ya. Laporan perlu dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh pekerjaanya ditempatkan dalam penginapan atau penginapan berpusat.

Kegagalan melapor merupakan suatu kesalahan dan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap kesalahan jika disabitkan.

**20. Apakah status penginapan atau penginapan berpusat yang telah dibina dan diduduki sebelum Akta ini berkuatkuasa?**

Penginapan atau penginapan berpusat tersebut boleh digunakan tetapi majikan dan penyedia penginapan berpusat perlu memohon Perakuan Penginapan dengan serta merta di Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran.

**21. Apakah status Penyedia Penginapan Berpusat yang beroperasi sebelum Akta ini berkuatkuasa?**

Penyedia Penginapan Berpusat yang telah beroperasi sebelum kuat kuasanya Akta ini perlu membuat permohonan semula ke JTKSM untuk mendapatkan Perakuan Penginapan.

**22. Adakah majikan bertanggungjawab untuk menyediakan penginapan kepada pekerja bersama tanggungannya?**

Tidak, majikan tidak bertanggungjawab untuk menyediakan penginapan kepada pekerja bersama tanggungannya.

**23. Sebarang pertanyaan berhubung isu-isu ini bolehlah hubungi:**

- (i) Pejabat Tenaga Kerja berhampiran (senarai penuh di laman sesawang rasmi di <http://jtksm.mohr.gov.my/ms/>);
- (ii) E-mel ke [jtksm@mohr.gov.my](mailto:jtksm@mohr.gov.my)